

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HKT322 - Teori dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian, Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Dengan merujuk latar belakang sejarah ilmu Kesuasteraan Bandingan dan dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian, bincang secara kritis apa yang dimaksudkan dengan cara kerja "Sekolah Pemikiran Perancis" dalam ilmu Kesuasteraan Bandingan. Seterusnya, bandingkan cara kerja tersebut dengan cara kerja "Sekolah Pemikiran Amerika".

[100 markah]

2. Menurut A. Owen Aldridge (1969), "It is now generally agreed that comparative literature does not compare national literatures in the sense of setting one against another. Instead it provides ... a way of looking beyond the narrow boundaries of national frontiers in order to discern trends and movements in various national cultures and to see the relation between literature and other spheres of human activity" (1969).

Bincang secara kritis sejauh mana anda bersetuju dengan kandungan pernyataan Aldridge dalam ayat pertama beliau dari petikan di atas. Seterusnya,uraikan secara terperinci kandungan ayat kedua sarjana ini dalam petikan yang sama.

[100 markah]

3. "Any two texts can be compared, but a comparison works when there is a sufficient basis for comparison; that is, a strong number of similarities, which allow us to isolate particular striking, revealing, informing, epiphanic and ultimately untranslatable differences..." (Gregory Reid, 2005).

Secara kritis bincangkan pernyataan Reid di atas dan kaitkannya dengan aktiviti perbandingan yang berdasarkan pendekatan genrik dan pendekatan tematik.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

4. "It is an amusement to me to take what liberties I like with these Persians, who, as I think, are not poets enough to frighten one from such excursions and who really do want a little art to shape them" (Edward Fitzgerald, 1857).

Bincangkan secara kritis pernyataan di atas dengan menghubungkannya dengan kegiatan Fitzgerald sendiri sebagai penterjemah karya sastera Parsi dan dengan periode awal perkembangan Kesusasteraan Bandingan di Eropah.

[100 markah]

Bahagian B

5. Apakah yang dimaksudkan dengan untung nasib sastera (*literary fortune*) dalam ilmu Kesusasteraan Bandingan? Berikan jawapan anda dengan rujukan khusus kepada kes perhubungan antara *Hayy Ibn Yaqzan* dalam kesusasteraan Arab dengan *Robinson Crusoe* dalam kesusasteraan Inggeris, atau kes lain yang anda tahu.

[100 markah]

6. Bincangkan secara umum mod antardisiplin dalam kajian sastera secara bandingan. Seterusnya, dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian, tumpukan perhatian kepada perhubungan antara karya sastera dengan karya seni filem dan karya sastera dengan karya seni muzik.

[100 markah]

7. Menurut Lucila Hosillos (1968), "A literary text or work is like a stone that is thrown into water and creates ripples when the water vibrates. A strong (beautiful and meaningful) text vibrates in space (geographically) and time (historically) affecting and influencing other texts (literary and non-literary) nationally and internationally".

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, dan dengan contoh-contoh karya yang bersesuaian, jelaskan Pendekatan Konsentrik dalam ilmu Kesusasteraan Bandingan.

[100 markah]

...4/-

- 4 -

8. Mulai pertengahan abad ke-20 ilmu Kesusasteraan Bandingan telah berkembang di belahan dunia bukan Barat. Adalah dipercayai bahawa perkembangan ini ada kaitan dengan soalan-soalan utama tentang semangat pascakolonial, pencarian identiti bangsa dan pembinaan kebudayaan kebangsaan. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian, bahaskan sejauh mana pernyataan ini benar.

[100 markah]

- oooOooo -